



**KENYATAAN MEDIA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

**PEMBENTANGAN PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI PINDAAN PERLEMBAGAAN BERKAITAN
PENGASINGAN PERANAN PEGUAM NEGARA DAN PENDAKWA
RAYA PERKUKUH AGENDA REFORMASI INSTITUSI NEGARA**

KUALA LUMPUR, 13 JULAI 2026 – Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Mengenai Pindaan Perlembagaan Persekutuan Berkaitan Pengasingan Peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya yang dijangka **akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada hari Selasa, 14 Julai 2026** merupakan satu lagi langkah signifikan dalam merealisasikan agenda reformasi institusi secara bertanggungjawab, inklusif dan berlandaskan Perlembagaan. Ini merupakan bukti jelas komitmen utuh Kerajaan MADANI dalam memperkukuh kedaulatan undang-undang, kebebasan institusi dan keyakinan rakyat terhadap sistem keadilan negara.

Hasil penelitian JKPK yang telah bersidang sebanyak tujuh (7) kali berjaya memperhalusi cadangan asal pindaan ini melalui **tujuh penambahbaikan utama** yang mempertingkatkan kebebasan, integriti dan akauntabiliti institusi Pendakwa Raya. Antaranya termasuklah **pemeriksaan peranan Parlimen dalam proses pelantikan, pelantikan oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) tanpa penglibatan Perdana Menteri atau Jemaah Menteri, tempoh jawatan tetap tujuh tahun tanpa pembaharuan, pengenalan Kod Etika Pendakwa Raya serta kuasa kepada Parlimen untuk menggubal undang-undang lanjut bagi memperkukuh institusi ini.**

Selaras dengan semangat tersebut, Kerajaan turut **menambah baik Fasal (18) Perkara 145A Perlembagaan Persekutuan** bagi **memperkasa peranan Parlimen dalam proses pelantikan Pendakwa Raya**. Melalui pindaan ini, SPKP hendaklah mengemukakan nama calon kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat untuk dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Dewan Rakyat kemudiannya hendaklah meneliti calon tersebut melalui suatu Jawatankuasa Pilihan sebelum membuat syor kepada SPKP. Selaras dengan syor tersebut, SPKP hendaklah menasihati Yang di-Pertuan Agong hanya berhubung nama yang disyorkan oleh Dewan Rakyat. Langkah ini diambil bagi memperkukuh mekanisme semak dan imbang, tanpa menjejaskan kebebasan Pendakwa Raya atau kedudukan Yang di-Pertuan Agong di bawah Perlembagaan.

Reformasi ini bukan sekadar memisahkan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya, tetapi lebih utama, ianya membina institusi pendakwaan yang lebih bebas, telus dan bertanggungjawab demi memperkukuh keyakinan rakyat terhadap sistem keadilan negara. Inilah legasi sebenar agenda reformasi institusi yang diperjuangkan oleh Kerajaan MADANI iaitu mewariskan institusi yang lebih kukuh, lebih berintegriti, berdaya tahan dan diyakini demi kepentingan generasi akan datang.

AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)
13 JULAI 2026

